

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8395

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah masa depan Kerajaan untuk meletakkan Malaysia di Tahap 2 (Tier 2) dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat Pemerdagangan Orang (U.S. Tip Report) bagi tahun 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan bagi menangani isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Negara ini.

Antara langkah signifikan yang telah diambil adalah melaksanakan Pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. Rang Undang-Undang ATIPSOM (Pindaan 2015) telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Jun 2015 dan di Dewan Negara pada 6 Julai 2015.

Pindaan kepada ATIPSOM 2007 adalah bagi memperkasakan perundangan sedia ada yang antaranya melibatkan peruntukan mengenai penglibatan lebih aktif NGO dalam perlindungan dan penjagaan mangsa, pemberian pampasan kepada mangsa pemerdagangan orang dan kebenaran untuk mangsa bergerak bebas dan bekerja.

Dengan mengambil kira cabaran dan keperluan semasa, lebih banyak pihak berkepentingan dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini turut dilibatkan dengan penambahan anggota baru dalam Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran

(MAPO). MAPO bertanggungjawab kepada *High Level Committee* (HLC) yang ditubuhkan dan dianggotai oleh menteri-menteri terlibat bagi menunjukkan komitmen tertinggi Kerajaan dalam merumus dasar yang berkaitan dengan pelaksanaan ATIPSOM 2007.

Selain daripada pindaan tersebut, penambahbaikan dan kerjasama dengan pihak majikan juga dipertingkatkan dengan memberi kesedaran serta perkongsian amalan terbaik dalam sektor pekerjaan terutamanya sektor elektrik dan elektronik dan perladangan.

Komitmen negara ini juga ditunjukkan dalam bidang perundangan di mana arahan telah dikeluarkan untuk siasatan kes berkaitan dilaksanakan dibawah ATIPSOM terlebih dahulu. Pihak Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Tenaga Kerja dalam hubungan itu telah mengambil inisiatif dengan melantik pegawai khas sebagai pakar rujuk bagi menguruskan kes-kes dibawah ATIPSOM. Dalam hubungan itu, *Case Management Committee* (CMC) juga telah ditubuhkan bagi mempercepatkan proses pendakwaan kes-kes tertunggak yang melebihi 3 bulan.

Bagi meningkatkan tahap bina upaya (*capacity building*) agensi penguatkuasaan, program penerangan berkaitan pindaan akta dan peraturan-peraturan telah diadakan di seluruh negara. Selain itu, kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa dan

pihak Amerika Syarikat juga dipertingkatkan dalam memberi latihan dan pendedahan serta perkongsian amalan terbaik.

Penambahbaikan yang dilaksanakan ini merupakan obligasi dan komitmen negara di peringkat antarabangsa terutamanya sebagai anggota kepada Konvensyen PBB mengenai Jenayah Terancang (UNTOC) dan Protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pernerdagangan Orang.